



SYRIA
2025

"Bersih Jiwa Bersama"

"Your Help, Their Future"

DONOR REPORT

QURBAN MISSION 2025

M I S I B A N T U A N Q U R B A N

www.cintasyriamalaysia.com

KEADAAN SITUASI DI SYRIA



Pada tahun 2024 krisis kemanusiaan Syria terus berlarutan memasuki tahun ke-13 konflik. Menurut UN OCHA, lebih 16.7 juta rakyat Syria memerlukan bantuan kemanusiaan, dengan lebih 7 juta daripadanya adalah pelarian dalaman (IDP). Situasi ekonomi dan kestabilan politik yang tidak menentu menyukarkan penyaluran bantuan serta pemulihan jangka panjang.



8 Disember 2024: Kejatuhan Rejim Assad

Rejim Bashar al-Assad tumbang selepas lebih 5 dekad pemerintahan keluarga Assad, bermula dari Hafez al-Assad pada 1971 hingga Bashar al-Assad.

Kejatuhan ini berlaku dalam serangan mengejut yang bermula di Halab (Aleppo) pada 27 November 2024, diketuai oleh Hay'at Tahrir al-Sham (HTS) dan disokong oleh Tentera Nasional Syria yang mendapat bantuan Turkiye. Serangan tersebut adalah sebahagian daripada kemuncak Perang Saudara Syria yang berlarutan sejak 2011.

Pembentukan Kerajaan Peralihan

Damsyik diambil alih oleh HTS dan pemimpinnya; Ahmed al-Sharaa mengumumkan pembentukan kerajaan sementara. Manakala Mohammed al-Bashir dilantik sebagai Perdana Menteri.

Kerajaan ini merancang tempoh peralihan selama 18 bulan untuk merangka perlembagaan baharu dan mengadakan pilihan raya bebas.

Krisis Kemanusiaan Berterusan

Lebih 16.7 juta rakyat Syria memerlukan bantuan kemanusiaan, termasuk makanan, tempat tinggal, dan perkhidmatan kesihatan.

Kekurangan bahan api dan bekalan asas semakin memburukkan keadaan, terutamanya menjelang musim sejuk.

Tindakan Cinta Syria Malaysia

Bantuan musim sejuk dan bahan keperluan asas digiatkan untuk diagihkan kepada rakyat Syria yang memerlukan.

Selain itu, usaha advokasi tentang isu di Syria diperbanyakkan di media sosial dan sebagainya untuk kesedaran masyarakat awam.

PENGENALAN CINTA SYRIA MALAYSIA

Cinta Syria Malaysia (CSM) ialah sebuah pertubuhan kemanusiaan berdaftar yang ditubuhkan pada tahun 2014. Berfokus kepada bantuan kemanusiaan untuk pelarian Syria dan komuniti yang memerlukan di seluruh dunia. CSM menjalankan pelbagai program seperti pendidikan, kebajikan, dan bantuan kecemasan.

VISI

- Cinta Syria Malaysia ingin menjadi penunjang dalam menangani isu kemanusiaan menjelang tahun 2027

MISI


- Komited dalam menyediakan hak pendidikan anak-anak
- Menyokong dalam mana-mana objek lain yang berguna untuk komuniti Syria.
- Mengekalkan bantuan yang diberikan sepanjang tahun



TENTANG KORBAN4HOPE

Korban4Hope merupakan inisiatif tahunan Cinta Syria Malaysia (CSM) sempena Hari Raya Aidiladha bagi memberikan peluang kepada umat Islam menunaikan ibadah korban sambil menyebarkan harapan kepada mereka yang memerlukan.

Projek ini bukan sekadar pelaksanaan korban, tetapi satu usaha kolektif untuk menghubungkan penyumbang dengan penerima manfaat melalui pengagihan daging korban yang teratur, telus, dan penuh kasih sayang.



AGIHAN BANTUAN KORBAN4HOPE




25,065

Penerima manfaat
keseluruhan untuk
bantuan korban4hope.



RM 361,120.64

Dana diagihkan bagi
bantuan korban4hope
bagi tahun 2025.



KAMBING

Jumlah Agihan
RM 77,403.96
Penerima Manfaat
3,500



LEMBU

Jumlah Agihan
RM 72,123.87
Penerima Manfaat
7,830



KERBAU FROZEN

Jumlah Agihan
RM 97,878.20
Penerima Manfaat
7,500



SEDEKAH DAGING

Jumlah Agihan
RM 48,147.50
Penerima Manfaat
3,090



INFAK MAKANAN

Jumlah Agihan
RM 13,851.69
Penerima Manfaat
1,450



IBADAH KIT

Jumlah Agihan
RM 11,931.42
Penerima Manfaat
1,485



BANTUAN PENDIDIKAN

Jumlah Agihan
RM 39,784.00
Penerima Manfaat
210



SYRIA

Bulan Zulhijjah dan Aidiladha membawa makna pengorbanan dan kasih sayang, namun jutaan rakyat Syria masih berdepan ketidakcukupan makanan. Dengan 12.9 juta mengalami ketidakjaminan makanan dan 3.1 juta dalam keadaan kritikal, daging korban menjadi rezeki berharga yang jarang dinikmati. Sempena Aidiladha, Cinta Syria Malaysia berusaha menyalurkan bantuan Qurban agar lebih ramai keluarga di Syria dapat merasai kegembiraan dan keberkatan hari raya.



1 Korban Kambing

Jumlah Agihan : RM72,603.96

Penerima Manfaat : 3,300

64 ekor kambing dikorbankan dan 2 ekor diakikahkan, memberi manfaat kepada masyarakat melalui pembahagian daging kepada yang memerlukan.

2 Korban Sejuk Beku

Jumlah Agihan : RM31,287.20

Penerima Manfaat : 2,775

74 bahagian korban telah memberikan peluang kepada penerima manfaat untuk menerima daging korban dan merasai keberkatan ibadah tersebut.



3 Sedekah Daging

Jumlah Agihan : RM39,219.50

Penerima Manfaat : 1,850

Sedekah daging turut memberi harapan baru kepada penerima manfaat, membolehkan mereka merasai nikmat menikmati daging yang sukar diperoleh.



4 Pek Makanan

Jumlah Agihan : RM13,851.69

Penerima Manfaat : 1,450

Agihan pek makanan panas yang mengandungi nasi arab, ayam seekor, dan susu memberikan kegembiraan kepada mereka untuk merasai hidangan istimewa.



5 Al-Quran & Kit Ibadah

Jumlah Agihan : RM11,931.42

Penerima Manfaat : 1,485

Kit Ibadah terdiri daripada Al-Quran, sejadah dan tasbih mampu memberi peluang kepada mereka untuk beribadah dengan tenang dan lebih tawaduk.

JORDAN

Masih terdapat ramai rakyat Syria yang tinggal di Jordan, menunggu masa untuk pulang, namun mereka masih memerlukan dana untuk perjalanan pulang. Bekalan makanan juga semakin terhad, menjadikan bantuan seperti sedekah daging di sana sangat diperlukan untuk meringankan beban mereka dan memastikan kelangsungan hidup sementara menanti kepulangan.

1 Sedekah Daging

Jumlah Agihan : RM4,800.00

Penerima Manfaat : 200

Sedekah daging turut memberi harapan baru kepada penerima manfaat, membolehkan mereka merasai nikmat menikmati daging yang sukar diperoleh.





PALESTIN

Palestin juga menjadi tempat agihan utama dalam misi kali ini, dengan bantuan yang sangat diperlukan untuk meringankan beban rakyat Palestin yang terus menghadapi kesulitan dalam kehidupan seharian. Keadaan yang penuh cabaran, termasuk sekatan, konflik, dan kekurangan sumber makanan, menjadikan bantuan seperti sedekah daging dan bekalan makanan amat penting untuk memastikan mereka dapat bertahan. Bantuan ini bukan sahaja memberikan kelegaan fizikal, tetapi juga memberi harapan dan sokongan moral kepada mereka yang sedang berjuang untuk terus hidup dalam situasi yang penuh ketidakpastian.



1 Korban Sejuk Beku

Jumlah Agihan : RM66,591.00

Penerima Manfaat : 4,725

126 bahagian korban telah memberikan peluang kepada penerima manfaat untuk menerima daging korban dan merasai keberkatan ibadah tersebut.

2 Sedekah Daging

Jumlah Agihan : RM4,228.00

Penerima Manfaat : 300

Sedekah daging turut memberi harapan baru kepada penerima manfaat, membolehkan mereka merasai nikmat menikmati daging yang sukar diperoleh.





SRI LANKA

Komuniti Muslim di Sri Lanka juga tidak dilupakan. Negara itu masih berdepan krisis ekonomi yang serius, peningkatan harga makanan, kadar kemiskinan yang tinggi serta akses terbatas kepada bantuan sosial, menjadikan ramai keluarga Muslim hidup dalam tekanan dan kekurangan. Dalam keadaan ini, agihan bantuan turut diberikan agar mereka tidak terpinggir daripada perhatian dan kepedulian ummah.



1 Korban Lembu

Jumlah Agihan : RM55,610.00

Penerima Manfaat : 5,830

26 ekor lembu korban telah memberikan peluang kepada penerima manfaat untuk menerima daging korban dan merasai keberkatan ibadah tersebut.

UGANDA

Komuniti Muslim di Uganda juga menjadi antara kumpulan yang memerlukan perhatian. Banyak kawasan di Uganda berdepan kemiskinan tegar, akses terhad kepada makanan berkhasiat, kekurangan sumber air bersih, serta cabaran pendidikan untuk kanak-kanak. Ramai keluarga Muslim hidup dalam keadaan serba kekurangan, terutama di kawasan luar bandar.

1 Korban Lembu

Jumlah Agihan : RM16,513.77

Penerima Manfaat : 2,000

8 ekor lembu korban telah memberikan peluang kepada penerima manfaat untuk menerima daging korban dan merasai keberkatan ibadah tersebut.





MALAYSIA

Di Malaysia, komuniti pelarian Syria, Palestin dan beberapa negara lain juga tidak dilupakan. Ramai antara mereka hidup dalam keadaan serba terbatas dan tanpa status perlindungan yang jelas, akses terhadap kepada pendidikan, kesihatan dan peluang pekerjaan. Kos sara hidup yang tinggi menjadikan kehidupan mereka semakin mencabar, terutama bagi keluarga yang tinggal di kawasan bandar. Dalam keadaan ini, bantuan turut disalurkan agar mereka dapat meneruskan hidup dengan lebih bermaruah dan terjamin.



1 Sedekah Daging

Jumlah Agihan : RM4,700.00

Penerima Manfaat : 940

Sedekah daging turut memberi harapan baru kepada penerima manfaat, membolehkan mereka merasai nikmat menikmati daging yang sukar diperolehi.



KELEBIHAN IBADAH KORBAN

"Tidak ada amalan yang dilakukan oleh anak adam pada hari al-Nahr (Raya Aidiladha) yang lebih dicintai oleh Allah selain daripada menumpahkan darah (binatang korban). Sesungguhnya ia akan datang pada hari Kiamat dengan tanduknya, bulunya dan kukunya dan sesungguhnya darah tersebut akan sampai kepada redha Allah SWT sebelum ia jatuh ke bumi. Maka, bersihkanlah jiwa kamu (dengan berkorban)."

Riwayat al-Tirmizi (1493)



MISI KEMANUSIAAN

Cinta Syria Malaysia (CSM) tidak terkecuali dalam penyaluran bantuan kepada rakyat Syria. Misi ini bertujuan untuk mengagihkan sumbangan berbentuk pek makanan serta Al-Quran dan kit ibadah kepada rakyat Syria di sana.

Seramai sembilan (9) orang sukarelawan yang menyertai misi kemanusiaan di Syria kali ini yang turut disertai oleh selebriti tempatan iaitu Faizal Tahir yang merupakan Penasihat Cinta Syria Malaysia. Misi ini diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif CSM sendiri iaitu Musa Nuwayri bermula 2 Jun hingga 10 Jun 2025.



Tim Cinta Syria Malaysia turut terlibat sepenuhnya dalam keseluruhan proses pelaksanaan ibadah korban. Bermula daripada pemilihan haiwan, penyembelihan mengikut syarak, proses melapah, sehinggalah kepada pembungkusan daging korban, semuanya dilakukan dengan teliti bagi memastikan setiap amanah penyumbang ditunaikan dengan sempurna.


Selain itu, tim CSM sendiri turun ke lapangan untuk mengagihkan daging korban dan bantuan keperluan kepada para penerima manfaat. Mereka bergerak dari satu komuniti ke komuniti lain, memastikan setiap keluarga yang layak menerima agihan, khususnya mereka yang hidup dalam keadaan serba kekurangan. Kehadiran pasukan di lapangan bukan sahaja membawa bantuan fizikal, tetapi juga membawa salam kasih dan perhatian kepada mereka yang memerlukan.

Melalui pelaksanaan di lapangan ini, Cinta Syria Malaysia memastikan bahawa setiap sumbangan penyumbang sampai terus kepada tangan mereka yang benar-benar memerlukan dengan penuh amanah dan tanggungjawab.



FASA BAHARU: DARI CINTA SYRIA KE CINTA SALAM

Pada tahun 2014, CSM memulakan misinya, dan pada 2024 setelah sedekad, ia terus teguh membawa harapan dan menyampaikan bantuan secara berterusan.



Cinta Syria Malaysia (CSM) kini dikenali sebagai Cinta Salam Malaysia, bermula sebagai NGO kemanusiaan yang memberi tumpuan untuk mengurangkan krisis pelarian Syria melalui pendidikan dan tindak balas kecemasan.

Dengan Syria kini bergerak ke arah kedaulatan dan kestabilan, kami memperluaskan misi kami untuk memberi perkhidmatan kepada komuniti pelarian yang lebih luas di seluruh dunia.

Transformasi kami daripada Cinta Syria kepada Cinta Salam mencerminkan komitmen yang diperbaharui terhadap keamanan, maruah dan sokongan inklusif untuk semua komuniti yang dipindahkan tanpa sempadan, tanpa had.



TERIMA KASIH

'YOUR HELP, THEIR FUTURE'

Sekalung penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada semua penyumbang yang telah memberikan sokongan dalam menjayakan misi ini. Setiap sumbangan, sama ada kecil mahupun besar, telah memberi impak yang besar kepada komuniti pelarian yang memerlukan. Kami amat menghargai kepercayaan dan sokongan berterusan anda dalam usaha kemanusiaan ini.

01

Sokongan para penyumbang membolehkan bantuan korban disampaikan tepat pada masanya, termasuk keperluan asas dan sokongan pendidikan.

02

Hampir 90% penerima manfaat berkongsi perubahan positif yang mereka rasai, satu petunjuk jelas bahawa bantuan ini memberi kesan nyata terhadap kesejahteraan mereka.

03

Secara keseluruhannya, kempen ini menunjukkan keupayaan pelaksanaan yang kukuh dan menjadi asas penting untuk pelaksanaan yang lebih berimpak dalam misi akan datang.



03 8211 1012 / 011 3313 7539



pr@cintasalammalaysia.org



www.cintasalammalaysia.org

Disediakan oleh,

**Bahagian Perhubungan Penyumbang
Persatuan Cinta Salam Malaysia**





"Your Help. Their Future"

PERSATUAN CINTA SYRIA MALAYSIA
(PPM-014-10-11082014)

8-19-2, Jln Medan Pusat Bandar 7A, Seksyen 9,
43650 Bandar Baru Bangi,
Selangor.

